

Manusia ganti serangga ejen pendebungaan

Oleh Rohaniza Idris
roha@bharian.com.my



Mohd Yusof menunjukkan perbezaan bunga jantan dan bunga betina.



Lakukan sentuhan sedikit saja kerana debunga halus mudah terbang.



Sentuhan bunga jantan ke stigma bunga betina perlu dibuat berhati-hati.

Tugas yang sebelum ini dilakukan serangga dibuat ke atas tanaman tertentu seperti tembikai dan tomato

Kebiasaannya proses debunga dilakukan serangga seperti kelulut dan lebah, namun kini anda boleh melakukan sendiri pendebungaan untuk pokok seperti tembikai, rock melon, tembikai Jepun, tomato dan timun. Kaedah terkini itu dikenali sebagai pendebungaan bantuan, yang mana orang yang menjadi ejen pendebungaan menggantikan tugas yang selama ini menjadi tanggungjawab serangga.

Namun, sebelum pendebungaan dilakukan beberapa perkara perlu di ambil kira untuk memastikan usaha berkenaan berjaya.

Penolong Pegawai Penyelidik Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian (Mardi), Mohd Yusof Hapzah, berkata sebelum kaedah pendebungaan dilakukan, jenis bunga pokok perlu ditentukan sama ada bunga jantan atau betina.

Katanya, bunga betina mempunyai 'perut' pelepah bunganya agak buncit sedikit manakala bunga jantan tidak mempunyai perut - pelepah bunganya tidak buncit atau kembung.



Pendebungaan sesuai dilakukan bagi penanaman pokok mengikut kaedah fertigasi.

Selepas itu, buka pelepas bunga jantan dan masukkan ke dalam bunga betina seperti mencantumkan kedua-dua bunga berkenaan.

“Kaedah berkenaan hanya memerlukan sentuhan sedikit saja kerana debunga halus dan mudah terbang. Selepas itu tunggu sehingga 48 jam untuk mengetahui hasil pendebungaan berkenaan,” katanya.

Bagaimana hendak mengetahui proses pendebungaan itu berjaya? Mohd Yusop berkata, apabila kelopak bunga betina gugur ia menandakan proses pendebungaan itu berjaya.

“Dalam tempoh 28 hingga 45 hari, biasanya pokok yang di debunga tadi akan memberikan hasil dan bersedia dituai,” katanya yang mencadangkan supaya kaedah fertigasi digunakan untuk penanaman pokok seperti tembikai, rock melon dan timun.

Bagi pokok seperti rock melon masa yang sesuai untuk proses pendebungaan adalah 10 pagi dan ke atas manakala tembikai jam 8 pagi.

Tumbuhan seperti tembikai, rock melon, timun dan tomato biasanya memerlukan cahaya matahari dan air mencukupi, namun elakkan tanaman ditimpa hujan kerana ia mudah menyebabkan pertumbuhan kulat dan kehadiran lalat yang merosakkan tanaman.

Fakta Mengenai Pendebungaan

1. Pendebungaan ialah satu proses pemindahan debunga daripada anter ke stigma.
2. Pendebungaan boleh berlaku dibantu oleh ejen pendebungaan seperti angin, haiwan dan air.
3. Pendebungaan boleh berlaku dengan dua cara iaitu pendebungaan sendiri dan pendebungaan kacukan.

Info Ejen pendebungaan

1. Paling penting adalah haiwan seperti burung, kelawar dan serangga.
2. Pelbagai jenis serangga terbabit secara langsung di dalam proses pendebungaan dengan lebih sepertiga daripada jumlah pokok dan tumbuhan yang menjadi sumber makanan kita.
3. Lebah, lalat, kumbang, rama-rama dan kupu-kupu adalah sebahagian daripada serangga utama yang terbabit dalam menjalankan proses pendebungaan ini. Namun, lebah yang paling utama.
4. Dianggarkan lebih 80 peratus daripada jumlah serangga yang terbabit dalam proses pendebungaan adalah lebah. Ini membuktikan lebah bukan sekadar menghasilkan madu tetapi juga memainkan peranan di dalam mendebungkan pelbagai jenis sumber makanan kita.
5. Lebah terbahagi kepada dua kumpulan utama iaitu lebah bersengat (*Apis species*) dan lebah tidak bersengat (contohnya, *OuldTirgona Sp*).
6. Lebah tidak bersengat juga dikenali sebagai kelulut. Ia adalah ejen pendebungaan utama bagi pokok hutan. Ia juga mudah untuk diuruskan bagi menjalankan khidmat pendebungaan kepada pelbagai jenis sayuran dan buah-buahan.